CHANDRASEGARAN A/L RAJA GOPAL

lwn.

TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI, MALAYSIA & 1 LAGI DAN SATU KES LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA,
KUALA LUMPUR
PUAN ZALEHA ZAHARI PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-1-94 & 44-5-94]
23 JULAI 1994

TAHANAN PENCEGAHAN: Tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 - Laporan dibawah s. 3(2)(b) & (c) Akta tersebut - Keterangan afidavit berkenaan laporan tidak dikemukakan oleh pembuat laporan tetapi oleh pegawai lain - Samada boleh diterima - Samada kandungan afidavit hearsay - Samada wujud kesenjangan dalam keterangan - Samada perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri sah.

UNDANG-UNDANG KETERANGAN: Laporan di bawah s. 3(2)(b) & (c) - Samada laporan "dokumen awam" - Samada kandungan laporan boleh dibuktikan melalui keterangan sekunder - Akta Keterangan 1950 ss. 65, 74 (a)(iii).

Permohonan jenayah ini melibatkan dua permohonan yang dibicara dan diputuskan serentak. Kedua-dua pemohon telah dikenakan tahanan pencegahan berikutan suatu perintah tahanan yang dikeluarkan oleh responden pertama dibawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 atas alasan bahawa kedua-dua pemohon terlibat dengan aktiviti berhubung dengan pengedaran dadah.

Fakta menunjukkan bahawa pegawai-pegawai polis yang masing-masing mengeluarkan "laporan" di bawah s. 3(2)(c) bagi pemohon pertama dan memberi "kebenaran untuk menahan" di bawah s. 3(2)(b) bagi pemohon kedua, tidak mengikrarkan apa-apa afidavit berhubung laporan dan kebenaran berkenaan, oleh kerana pada waktu yang material kedua-dua mereka berada di Mozambique kerana bertugas dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Laporan dan kebenaran tersebut bagaimana pun dikemukakan kepada Mahkamah sebagai eksibit melalui afidavit yang diikrarkan oleh dua orang pegawai polis yang lain. Persoalan yang timbul ialah samada dalam halkeadaan ini apa yang diikrarkan oleh dua pegawai polis yang lain itu, setakat yang berkaitan dengan laporan dan kebenaran berkenaan, hearsay dan kerana itu samada wujud satu kesenjangan dalam keterangan berhubung dengan penahanan pemohon-pemohon menyebabkan perintah tahanan mereka tidak sah.

Diputuskan:

[1] Tidak ada sebarang kesenjangan dalam rantai keterangan berhubung dengan penahanan kedua-dua pemohon. Laporan dan kebenaran untuk menahan di bawah s. 3(2)(c) dan s. 3(2)(b) adalah jatuh di bawah golongan "dokumen awam" seperti yang ditafsirkan oleh s. 74(a)(iii) Akta Keterangan 1950 dan oleh itu kandungannya boleh dibuktikan melalui keterangan sekunder iaitu dengan mengemukakan satu salinan yang diakui sah menurut s. 65 Akta yang sama.

[Permohonan ditolak].

Kes-kes yang dirujuk:

Yeow Boon Kee v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia [1993] 2 MLJ 359 ***(diikuti)***

Chiam Ching Kiang v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Lain [1993] 1 AMR 6211 ***(tidak diikuti)***

Ng Hong Choon v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Satu Lagi [1994] 1 AMR 11615 ***(tidak diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, ss. 3(1), (2)(a), (b), (c), 6(1)
Akta Keterangan 1950, ss. 65, 74(a)(iii)
Perlembagaan Persekutuan, Perkara 43A, Fasal 2

Bagi pihak pemohon - Karpal Singh; T/n. Karpal Singh & Co.
Bagi pihak responden - Noorbahari bin Baharuddin, Peguam Kanan Persekutuan

ALASAN PENGHAKIMAN

Zaleha Zahari PK:

Dua permohonan jenayah ini melibatkan isu tafsiran undang-undang dan fakta-fakta yang hampir serupa dan dengan itu dibicarakan dan diputuskan serentak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengeluarkan dua perintah tahanan di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (kemudian dari ini disebut "Akta"), iaitu, pada 12 November 1993, terhadap Chandrasegaran a/l Raja

Gopal (kemudian ini disebut "pemohon pertama") dan, pada 24 November 1993, terhadap Haslam Mohammad bin Sharif Mohammad (kemudian ini disebut "pemohon kedua") atas, alasan bahawa pemohon pertama dan pemohon kedua pernah melibatkan diri dengan aktiviti berhubung dengan atau melibatkan pengedaran dadah berbahaya.

Keesahan perintah-perintah tahanan telah dicabar atas beberapa alasan menurut afidavit sokongan yang telah difailkan bagi tiap-tiap permohonan. Namun yang demikian, pada hari perbicaraan, Peguam, Encik Karpal Singh, hanya meneruskan permohonan atas satu alasan teknikal sahaja, iaitu, samada s. 3(2)(c) bagi pemohon pertama, dan samada s. 3(2)(b) bagi pemohon kedua, Akta telah dipatuhi.

Fakta-fakta kes pemohon pertama menunjukkan bahawa laporan di bawah s. 3(2)(c) Akta telah dikeluarkan oleh Pemangku Timbalan Penguasa Polis Sulaiman bin Menga Din kepada "Ketua Polis Negara, Polis Di Raja Malaysia, Bukit Aman, u.p. T/Pengarah JSJ-CAD". Laporan di bawah s. 3(2)(c) ini telah dikemukakan oleh Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I Yeap Kim Seng sebagai "Ekshibit YKS 2" melalui afidavit yang diikrarkan pada 10 Mac 1994 yang telah difailkan bagi pihak responden.

Menurut perenggan 7, 8 dan 9 afidavit Yeap Kim Seng, Pemangku Timbalan Penguasa Polis Sulaiman bin Menga Din pada masa itu sedang menjalani Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Mozambique (UNIMOZ) sejak 2 November 1993 dan dijangka akan kembali bertugas hanya pada 2 November 1994 dan oleh yang demikian tidak dapat mengemukakan satu afidavit darinya. Yeap Kim Seng seterusnya mengikrar bahawa, pada 29 September 1993 jam 8.15 pagi, Pemangku Timbalan Penguasa Polis Sulaiman bin Menga Din telah melaporkan hal keadaan penangkapan dan penahanan pemohon pertama kepadanya menurut s. 3(2)(c) Akta. Menurutnya lagi, adalah tidak wajar untuk memanggil balik pegawai berkenaan hanya untuk membuat afidavit bagi melampirkan laporan di bawah s. 3(2)(c) tersebut kerana ini akan melibatkan perbelanjaan yang banyak dan masa yang tidak dapat ditentukan atas sebab masalah pentadbiran.

Berhubung dengan tahanan pemohon kedua pula, laporan yang dipertikaikan ialah laporan di bawah s. 3(2)(b) Akta yang telah dikemukakan sebagai "Ekshibit AD 2" kepada afidavit Pemangku Peguasa Polis, Appadorai a/l Doraisamy yang diikrarkan pada 22 April 1994. Menurut perenggan 4 afidavit Appadorai, di antara tempoh 16 November 1993 hingga November 94, Penolong Penguasa Polis Mazlan bin Kesah, pegawai yang telah memberi kebenaran tahanan lanjut terhadap pemohon kedua di bawah s. 3(2)(b) Akta, sedang menjalani Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Mozambique (UNIMOZ) dan dengan itu tidak dapat mengemukakan satu afidavit darinya. Appadorai seterusnya telah mengemukakan kebenaran tahanan yang telah diberi oleh PPP Mazlan di bawah s. 3(2)(b) Akta seperti di "Ekshibit AD2" atas alasan bahawa adalah tidak wajar untuk memanggil balik pegawai berkenaan hanya untuk membuat afidavit untuk mengemukakan kebenaran di bawah s. 3(2)(b) tersebut kerana ini akan melibatkan perbelanjaan yang banyak dan masa yang tidak dapat ditentukan oleh sebab masalah pentadbiran.

Dalam keadaan sedemikian En. Karpal menghujah oleh kerana laporan di bawah s. 3(2)(c) bagi pemohon pertama dan kebenaran di bawah s. 3(2)(b) bagi pemohon kedua, tidak dikemukakan melalui satu afidavit yang difailkan oleh pegawai-pegawai yang telah mengeluarkan laporan/kebenaran berkenaan, pengemukaan laporan/kebenaran melalui afidavit yang difailkan oleh pegawai yang lain merupakan keterangan dengarcakap ("hear-say") dan dengan itu wujudlah satu kesenjangan dalam keterangan berhubung dengan tahanan pemohon-pemohon.

Perhatian saya dirujuk kepada dua otoriti di peringkat Mahkamah Tinggi yang telah mengambil pendirian yang berlainan.

Di dalam kes *Yeow Boon Kee v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia* [1993] 2 MLJ 359 berhubung dengan isu sama ada s. 3(2)(c) Akta dipatuhi atau pun tidak dimana pegawai yang membuat laporan di bawah s. 3(2)(c) berada di Indonesia, dan pengemukaan laporan telah dikemukakan oleh seorang pegawai lain, dan penghujahan yang sama telah dikemukakan, Y.A. Hakim L.C. Vohrah telah memutuskan:

> There is however no dispute that the report exhibited has been certified in proper form as a true copy of the report made by the reporting officer and in this regard, my attention has been drawn by Encik Mahmud bin Haji Abdullah,

Federal Counsel acting for the respondents, to an unwritten decision of the Supreme Court (coram: Hashim Yeop A. Sani CJ (Malaya), Harun Hashim SCJ and LC Vohrah J.) in *Lee Choon Yoon v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor;* dealing with a similar point under near identical provision in s. 3(3)(c) of the Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969, wherein it was decided that a report submitted by the designated officer to the minister under the second limb of the provisions of s. 3(3)(c) of the ordinance was a public document within the meaning of s. 74(a)(iii) of the Evidence Act 1950 and that its contents were provable by secondary evidence by means of a certified true copy by virtue of the provisions of s. 65 of that Act. By the same token, the certified true copy of the reporting officer's report tendered under the first limb of the said provisions of the Act must be receivable in proof of its contents. There is therefore, in my view, no break in the chain of evidence relating to the authorization for the detention under the relevant provisions.

Pendirian yang berlainan telah diambil oleh Y.A. Hakim Allauddin bin Dato' Mohd. Shariff di dalam kes *Chiam Ching Kiang v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Lain* [1993] 1 AMR 6 211. Didalam kes ini pegawai yang berkenaan menjalani tugas-tugas khas Bangsa-Bangsa Bersatu di Negara Kemboja (UNTAC) dan Peguam Kanan Persekutuan telah menghujah bahawa sekiranya afidavit hendak dibuat di luar negeri ia akan mengambil masa yang lama dan akan melibatkan perbelanjaan yang banyak. Penghujahan seterusnya juga ialah terdapat bukti yang mencukupi bagi mengatakan kehendak s. 3(2)(a) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 telah dipatuhi. Hakim Allauddin telah menolak penghujahan itu dan memutuskan:

Mahkamah bersetuju dengan pendapat peguam pemohon bahawa tanpa afidavit Insp. Mohd. Rodzi terdapat pelanggaran ke atas s. 3(1) dan s. 3(2)(a) Akta. Mahkamah memutuskan bahawa keterangan-keterangan berhubung dengan tindakan-tindakan Insp. Mohd. Rodzi yang dimuatkan di dalam Afidavit PPP Hasnan Bin Hassan serta dengan eksibit-eksibitnya sekali tidak boleh diterima kerana semuanya merupakan keterangan hearsay.

Isu yang sama telah juga dibangkitkan di dalam kes *Ng Hong Choon v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor.* [1994] 1 AMR 11 615 dan dalam membincangkan keputusan dua penghakiman di atas Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman Vincent Ng Kim Khoay telah mempersetujui dengan keputusan penghakiman L.C. Vohrah di dalam kes *Yeow Boon Kee.* Beliau memutuskan:

there is therefore no gap in the chain of evidence relating to the authorization for the detention of the applicant and the contents of "YKS 1" showed that s. 3(2)(c) has been duly complied with.

Setelah menimbangkan hujah-hujah kedua-dua belah pihak dengan telitinya saya memutuskan tidak ada sebarang kesenjangan dalam rantai keterangan berhubung dengan tahanan pemohon pertama dan pemohon kedua. Saya sependapat dengan Y.A. Hakim L.C. Vohrah dalam kes yang dihuraikan di atas yang seterusnya telah diikuti oleh Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman Vincent Ng. Saya juga memutuskan laporan di bawah s. 3(2)(c) dan s. 3(2)(b) jatuh di bawah golongan "dokumen awam" seperti yang telah ditafsirkan di dalam s. 74(a)(iii) Akta Keterangan 1950 dan kandungannya boleh dibuktikan melalui keterangan sekunder, iaitu, dengan mengemukakan satu salinan yang diakui sah menurut s. 65 Akta yang sama.

Berhubung dengan cabaran keesahan perintah tahanan atas alasan ia tak sah kerana tidak dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri sendiri, saya memutuskan Fasal 2 Perkara 43A Perlembagaan Persekutuan jelas memperuntukkan seorang Timbalan Menteri hendaklah membantu Menteri dalam melaksanakan kewajipan dan fungsi Menteri dan bagi maksud itu mempunyai "**semua**" kuasa-kuasa menteri. Dengan itu saya memutuskan cabaran atas alasan ini juga tidak mempunyai sebarang merit.

Dengan itu kedua-dua permohonan ditolak.